

# Pejabat Pelancongan Labuan anjur 1MG1MC

NST 20-11-2012 8

LABUAN: Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan program 1Malaysia Green 1Malaysia Clear (1MG1MC) sempena Labuan Arts Festival (Lafest).

Program yang disertai oleh kira-kira 300 pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam IPTA termasuk pelajar UMS-KAL, UiTM Sabah dan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) itu telah dijalankan di sepanjang pantai Tanjung Purun dan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, pagi Sabtu.

Turut terlibat dalam menjayakan program itu ialah pelajar SMK Mutiara dan kakitangan jabatan dan agensi kerajaan.

Majlis perasmian program itu telah dis-

empurnakan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Dr James Dawos Mamit di Pentas Utama Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Turut hadir Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yusoff Mahal, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Zainul Abidin Abdullah dan Pengarah Pejabat Pelancongan Labuan, Faruzrahidzah Mohd Kassim.

James ketika berucap berkata, Malaysia berada di tangga ke 75 daripada 139 negara mengenai tahap kebersihan dan kesihatan peringkat global.

"Ini jelas menunjukkan tahap kesedaran terhadap kebersihan di negara ini masih berada ditahap yang rendah yang boleh menjejaskan

kedatangan pelancong ke negara ini" katanya.

Beliau berkata, pada tahun lalu seramai 24.7 juta pelancong asing telah melawat Malaysia dengan jumlah pendapatan sekitar RM58.6 bilion berbanding tahun sebelumnya hanya seramai 24.5 juta dengan pulangan pendapatan RM56.5 bilion dan pada tahun ini telah meningkat sebanyak 20 peratus.


Katanya, Kementerian Pelancongan melalui pejabat-pejabat pelancongan di seluruh negara akan terus melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi menggalakkan kedatangan lebih ramai pelancong ke Malaysia.

"Salah satu inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian ialah penganjuran 1MG1MC

yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan menjaga kehijauan dan kebersihan alam sekitar ditempat-tempat pelancongan di seluruh negara" katanya.

Ianya juga bertujuan untuk mendidik masyarakat pelbagai peringkat umur mengenai kepentingan menjaga kebersihan ditempat persekitaran pelancongan termasuk pantai di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kita mahu rakyat Malaysia sentiasa menjaga alam sekitar termasuk pantai yang sering dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara selain rakyat tempatan yang inginkan pantai bersih, cantik dan menarik," katanya. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)



PENGHARGAAN... Yusoff menyampaikan cendera kenangan kepada James selepas merasmikan program 1MG1MC di pentas terbuka Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, kelmarin.



GÖTONG ROYONG... sebahagian pelajar IPTA yang menyertai kerja-kerja pembersihan pantai 1MG1MC di pantai Tanjung Purun, kelmarin.